

7 kematian, 1,447 kes malaria tahun ini

IPOH – Sebanyak tujuh kes kematian akibat malaria dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) berlaku di negara ini bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, daripada jumlah tersebut enam merupakan kematian melibatkan jangkitan malaria zoonotik, manakala satu kes melibatkan jangkitan manusia yang berlaku di luar negara dan dibawa masuk ke Malaysia.

Menurut Dr. Noor Azmi, meskipun terdapat kematian melibatkan pesakit malaria di negara ini keadaan masih terkawal dan orang ramai diminta agar tidak bimbang ekoran KKM sentiasa berusaha mengawal penyakit tersebut.

“Sehingga minggu epidemik (ME) ke-27 hanya tujuh kematian dilaporkan di mana satu di Johor, Pahang dan Sarawak, manakala masing-masing dua kes di Terengganu dan Sabah.

“Orang ramai tidak perlu bimbang, namun pada masa

sama kita tidak boleh leka. Kita (KKM) sentiasa memberikan kesedaran kepada rakyat bahawa malaria masih wujud dan kebanyakannya adalah kumpulan zoonotik di mana perumahannya adalah haiwan iaitu monyet dan kera,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 1,447 kes malaria dilaporkan kepada KKM bagi tempoh sama iaitu 2 Januari sehingga 9 Julai tahun ini di mana 1,311 kes merupakan malaria zoonotik dan 136 kes pula malaria melibatkan jangkitan manusia melibatkan kes import dan *introduce*.

Katanya, Sabah merupakan negeri tertinggi mencatatkan kes malaria sebanyak 786 kes di mana 782 daripadanya merupakan kes malaria zoonotik dan diikuti Sarawak sebanyak 390 kes dan Kelantan 72 kes yang dilaporkan.



DR. NOOR AZMI (dua dari kanan) melawat pameran malaria selepas merasmikan Sambutan Hari Malaria Peringkat Kebangsaan di Ipoh semalam.